

KEKELIRUAN MAKNA KATA SIFAT DALAM KALANGAN REMAJA SARAWAK: SATU TINJAUAN AWAL

Wan Robiah Meor Osman¹

Rosnah Mustafa²

Salina Pit³

Centre for Language Studies, Universiti Malaysia Sarawak

¹mowrobiah@cls.unimas.my

²mrosnah@cls.unimas.my

³psalina@cls.unimas.my

Abstrak

Masyarakat Melayu Sarawak merupakan salah satu sub-etnik terbesar di Sarawak. Masyarakat ini bertutur dalam dialek Melayu Sarawak yang mempunyai variasi mengikut daerah atau kawasan geografi masing-masing. Dalam era modenisasi yang dipayungi oleh kepelbagaiannya etnik dilihat terdapat kosa kata dialek Melayu Sarawak yang mulai ditinggalkan oleh generasi muda. Oleh hal demikian, makalah ini meneliti kekeliruan makna kata sifat dalam kalangan remaja Melayu Sarawak. Kajian ini memanfaatkan soal selidik yang mengandungi 10 kata sifat yang diberikan kepada 100 orang responden untuk melihat sama ada mereka memahami makna dalam bahasa Melayu Standard. Dapatan mendapati bahawa kebanyakan responden tidak memahami sebilangan besar makna kata sifat (misalnya *ganjo*, *dumba-dumba*, *puro*), dan sebahagiannya pula memberikan maksud yang salah untuk kata sifat yang diberikan (misalnya, *acar*, *bengak*, *langa*). Justeru, penggunaan kata tradisi yang semakin terhakis dan asimilasi terhadap bahasa Melayu standard akan mengurangkan kelestarian dan penggunaan kosa kata tradisi ini dalam interaksi sosial dalam kalangan generasi muda Melayu Sarawak.

Kata kunci: Kekeliruan Makna, Kata Sifat, Dialek Melayu Sarawak

Meaning Confusion of Malay Adjectives among Sarawak Teenagers: An Exploratory Study

Abstract

The Sarawak Malay is one of the major sub-ethnic groups in Sarawak. This ethnic group speaks a variety of Sarawak Malay dialect which depends on the district or

geographical location. In this modern era where ethnic groups come into close contact with one another, the use of some Sarawak Malay dialect words is slowly diminishing among the younger generation of Sarawak Malays. This has ignited the researchers' interest to analyse the use of adjectives in Sarawak Malay dialect among Sarawak Malay teenagers. A questionnaire containing 10 adjectives was distributed to 100 respondents to find out whether they understood the meaning in standard bahasa Melayu. The results showed that a majority of the respondents did not understand the meaning of many adjectives (e.g., *ganjo*, *dumba-dumba*, *puro*), and some gave the wrong meanings for the adjectives (e.g., *acar*, *bengak*, *langa*). The low usage of these traditional words and assimilation into the standard bahasa Melayu will lead to further diminished recognition and use of the traditional words in daily social interaction among the younger generation of the Sarawak Malay.

Keywords: Meaning confusion, adjectives, Sarawak Malay Dialect

Pendahuluan

Dialek Melayu Sarawak merupakan salah satu daripada sekian banyak dialek dan bahasa yang dipertuturkan oleh masyarakat di Sarawak. Dialek ini menjadi sumber interaksi khusus bagi kaum Melayu dan menjadi medium integrasi nasional antara kaum di Sarawak. Dialek merupakan khazanah bahasa yang terdapat di Malaysia (Collins, 1996). Kepentingan dialek sebagai khazanah bangsa yang seharusnya dipelihara dan dilestarikan menarik minat pengkaji untuk melihat sejauh mana pengetahuan dan pemahaman generasi muda iaitu pelajar peringkat menengah terhadap kosa kata tradisi yang digunakan oleh generasi tua atau terdahulu dalam komunikasi harian mereka. Hal ini penting untuk diteliti sebagai penanda aras kepada masyarakat umum tentang kosa kata tradisi yang masih digunakan oleh generasi tua, tetapi tidak diperturun kepada generasi muda. Oleh itu, hasil kajian ini akan memperjelaskan tentang tahap penyisihan bahasa yang berlaku dalam kalangan remaja yang mulai beralih menggunakan kosa kata bahasa lain dan meninggalkan kosa kata bahasa ibunda mereka. Menurut Fasold (1984) penyisihan bahasa bermakna anggota sesebuah komuniti itu memilih bahasa lain menggantikan bahasa yang sedia ada (Nor Hisham Osman, 2000, p. 154).

Data kajian

Kajian ini memanfaatkan 100 soal selidik yang diedarkan kepada golongan remaja Melayu Sarawak berusia antara 14 hingga 15 tahun yang terdiri daripada pelajar sekolah menengah berasrama penuh dan separa asrama penuh di Kuching, Sarawak. Daripada soal selidik ini pengkaji telah memberikan 10 kosa kata tradisi bagi kata sifat untuk dikenal pasti dalam skala pemahaman iaitu kenal atau tidak kenal yang bermaksud jika responden menyatakan kenal maka kosa kata tersebut difahami dan responden perlu menjelaskan maksudnya dalam bahasa Melayu standard. Manakala jawapan tidak kenal maka secara automatik difahami bahawa responden tidak memahami atau tidak pernah menggunakan kosa kata tersebut. Kajian ini juga

mempunyai limitasi kepada maksud kata yang digunakan di kawasan Kuching dan Samarahan sahaja, manakala kawasan-kawasan lain tidak dibincangkan.

Perbincangan

Berdasarkan dapatan daripada Jadual 1 di bawah memperlihatkan variasi perkataan tradisi yang dikenali dan tidak dikenali dalam kalangan remaja Melayu Sarawak. Kata sifat atau dikenali juga kata adjektif merupakan sejumlah kata yang boleh menjadi unsur inti dalam binaan frasa adjektif (Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa, & Abdul Hamid Mahmood, 2009). Menurut Asmah Omar (2009) pula kata sifat ialah subgolongan daripada golongan kata karyaan. Oleh itu, kata sifat ialah kata yang berfungsi dalam memberikan makna bagi unsur untuk manusia dan benda dari segi sifat tabii, pancaindera, ukuran, warna, bentuk, waktu, jarak dan lain-lain. Dalam dapatan yang diperoleh menunjukkan kebanyakan kata sifat yang diberikan tidak dikenali oleh remaja ini iaitu antara 60 hingga 90 orang. Hal ini memperlihatkan bahawa penggunaan yang amat kurang oleh remaja bagi kata-kata sifat tradisi ini. Jika dilihat sebagai contoh kata *ganjo* yang bermaksud tinggi lampai sebanyak 81 orang remaja tidak mengenali kata ini. Terdapat satu dapatan yang memberikan makna yang salah bagi kata ini iaitu tua. Begitu juga halnya, bagi kata *acap* yang bermaksud air yang melimpah atau banjir ataupun menececah sesuatu paras tetapi diberikan maksud salah iaitu menyebarkan, muak, tinggi, dan menebar. Bagi kata ini seramai 64 orang remaja tidak mengenali kata tersebut. Selain itu, bagi kata *bebenyin* yang bermaksud berklat terdapat seorang remaja memberikan maksud yang salah iaitu berdenyut. Bagi kata ini jumlah remaja mengenali kata ini agak ketara iaitu sebanyak 46 orang.

Manakala kata *dumba-dumba* yang bermaksud nyalaan api yang besar hanya 5 orang remaja sahaja yang mengenali kata ini manakala selebihnya tidak pernah mendengar dan menggunakan kata ini. Terdapat remaja yang memberikan pengertian yang salah untuk kata ini iaitu cepat-cepat dan penghasut. Bagi kata sifat *puro* yang bermaksud comot, kotor atau berbedak tidak rata pula menunjukkan sebanyak 86 orang remaja tidak mengenali kata ini. Dan seorang memberikan maksud yang salah iaitu pura-pura. Hal yang sama juga berlaku terhadap kata *bengak* yang membawa maksud mulut besar telah disalahertikan oleh responden dengan memberikan maksud sebagai sompong, kebas, lembab, membuka mulut seluas-luasnya, dan bodoh. Kata ini juga menunjukkan kekerapan remaja tidak mengenalinya tinggi iaitu sebanyak 76 orang. Begitu juga halnya, bagi kata *langa* yang bermaksud dahi besar telah disalahertikan oleh remaja ini sebagai kuali besar, dan jumlah tidak mengenali kata ini ialah sebanyak 89 orang. Hal yang sama juga boleh dilihat bagi kata *juley* yang bermaksud dagu panjang diberikan maksud yang salah oleh responden iaitu menjelirkan lidah, jelir, mengeluarkan lidah, dan terkeluar, dan kata ini menunjukkan sebanyak 93 orang remaja tidak mengenali kata ini. Manakala 7 orang responden yang menyatakan mereka mengenali kata ini telah memberikan maksud yang salah. Hal ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa kesemua responden sebenarnya tidak mengenali kata sifat ini.

Hal yang sama juga berlaku bagi kata *rembo* kerana daripada dapatan menunjukkan bahawa walaupun remaja ini menyatakan mereka memahami sesuatu

kata tradisi itu, namun maksud yang diberikan salah iaitu kata *rembo* yang bermaksud koyak, luka besar atau hancur diberikan maksud pelangi dan berwarna-warni. Menariknya, kebanyakan remaja menyatakan bahawa kata ini untuk pelangi dan mengandaikan maksud *rembo* itu berasal daripada kata 'rainbow' dalam bahasa Inggeris. Melalui dapatan juga menunjukkan bahawa kata *rembo* ini memberikan tafsiran bahawa kesemua responden sebenarnya tidak mengenali kata ini. Daripada dapatan menunjukkan bahawa sebenarnya kesemua responden tidak mengenali kata ini dan secara tidak langsung memberikan gambaran bahawa kata ini tidak digunakan dalam pertuturan harian mereka.

Jadual 1

Taburan dapatan kata sifat tradisi Dialek Melayu Sarawak

Perkataan Tradisi – Kata Sifat	Kekerapan Kenal	Maksud Salah ¹	Kekerapan Tidak Kenal	Jumlah
1. Ganjo (tinggi lampai)	19	1	81	100
2. Acap (air melimpah/banjir/mencecah)	36	6	64	100
3. Bebenyin (berkilat)	46	1	54	100
4. Dumba-dumba (nyalaan api yang besar)	5	2	95	100
5. Puro (comot/kotor/berbedak yang tidak rata)	14	1	86	100
6. Bengak (mulut besar)	24	9	76	100
7. Langa (dahi besar)	11	1	89	100
8. Juley (dagu panjang)	7	7	93	100
9. Rembo (koyak/luka besar/hancur)	11	11	89	100
10. Emperin (bunyi yang sangat kuat/nyaring)	10	2	90	100

Kekeliruan ini berlaku disebabkan kurang atau jarang perkataan ini didengari oleh remaja ini menyebabkan kesilapan pemahaman maksud berlaku. Hal yang sama juga terjadi bagi kata *emperin* yang bermaksud bunyi yang sangat kuat atau nyaring tetapi diberikan maksud yang salah oleh remaja iaitu piring dan pinggan. Hal ini berkemungkinan disebabkan oleh sebutannya yang hampir sama dengan kata piring maka responden berkecenderungan memberikan maksud tersebut.

Oleh yang demikian, dapatlah disimpulkan bahawa peratusan responden tidak mengenali sesuatu kata itu lebih ketara dan tinggi berbanding kata yang dikenali. Hal ini menunjukkan bahawa kata tradisi ini mulai ditinggalkan oleh generasi muda dan beralih kepada kata yang lebih kerap digunakan. Hal ini menampakkan fenomena asimilasi kata telah berlaku iaitu apabila asimilasi lebih kuat daripada kemahanan mengekalkan identiti, bahasa ibunda turut akan terasimilasi dan lama-kelamaan sukar untuk dikenal pasti (Maros, 2010, p. 87). Hal ini yang berlaku kepada generasi muda yang beralih menggunakan bahasa Melayu standard sebagai salah satu keperluan pendidikan dan kerjaya, yang secara tidak langsung mulai meninggalkan sebilangan kosa kata tradisi bahasa ibunda dalam

interaksi sosial mereka. Penyisihan bahasa merupakan kesan jangka panjang daripada pemilihan bahasa dalam masyarakat yang pada mulanya bersifat dwibahasa atau pelbagai bahasa atau mempunyai beberapa kelainan daripada sesuatu bahasa. Pemilihan bahasa mengakibatkan komuniti meninggalkan satu bahasa sepenuhnya atau sebahagiannya dan beralih menggunakan bahasa yang lain (Nor Hisham, 2000, p. 154). Maka, kelangsungan sesuatu dialek atau bahasa kebanyakannya ditentukan oleh kesedaran memilih dan mempertahankan kelestarian dialek atau bahasa itu oleh penuturnya.

Walaupun masyarakat umum mengetahui tentang kedinamikan bahasa atau dialek yang sukar dikawal perubahan dan peralihannya, namun perlu ada usaha melestarikan dan mendokumentasikan bahasa dan dialek daerah oleh semua pihak khususnya ahli linguistik. Hal ini disebabkan kedudukan bahasa daerah di Alam Melayu menghadapi masa depan yang suram dan kian terancam pupus. Jika tiada tindakan atau usaha dilakukan oleh ahli linguistik khususnya, puluhan bahasa dan dialek daerah akan punah tanpa dokumentasi, mati tanpa nisan (Collins, 2008).

Kesimpulan

Dalam era modenisasi yang dipayungi oleh kepelbagai etnik dilihat terdapat kosa kata Dialek Melayu Sarawak yang mulai ditinggalkan oleh generasi muda. Hal ini menunjukkan bahawa penggunaan kosa kata tradisi semakin dilupakan dan tidak dikenali oleh golongan remaja. Pemahaman dan pengetahuan mereka terhadap kosa kata tradisi dalam interaksi sosial sehari-hari sangat terbatas dan mengelirukan kerana wujudnya kata-kata yang dinyatakan dikenali tetapi sebenarnya tidak. Kekeliruan ini berlaku mungkin disebabkan wujudnya asimilasi bahasa-bahasa lain yang melingkungi kitaran pertuturan responden yang secara tidak langsung memberikan impak terhadap penggunaan dialek ini. Menerusi dapatan ini, diharap usaha berterusan dalam mengetengahkan, mendokumentasi, memelihara serta melestarikan khazanah bahasa turun-temurun ini terus dipergiat dan diperbanyak agar tidak terus ditelan oleh arus kemodenan.

Rujukan

- Asmah Omar. (2009). *Nahu Melayu mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins, T. J. (1996). *Khazanah Dialek Melayu*. Bangi, Malaysia: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Collins, T. J. (2008, Januari 24-26). Bahasa dan dialek Teluk Piru, Pulau Seram: Terancam punah dan ternyata punah. *Prosiding Seminar Antarabangsa Dialek-dialek Austronesia di Nusantara III*. Brunei: Universiti Brunei Darussalam.
- Maros, M. (2010). Dialek Melayu pekan: Penggunaan dan pengekalan. *Jurnal Dewan Bahasa*, 10(1), 74-97.

- Monaliza Sarbini-Zin, Rosnah Mustafa, Haikal H. Zin, & Radina Mohamad Deli. (2012). “Lang” kah “pintu”? Perubahan leksikal masyarakat Melayu Sarawak dewasa ini. *Issues in Language Studies*, 1(2), 33-37.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa, & Abdul Hamid Mahmood. (2009). *Tatabahasa Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hisham Osman. (2000, Julai 10-14). Pemeliharaan dan penyisihan bahasa di kalangan suku kaum minoriti di Sarawak. *Proceedings of the Sixth Biennial Borneo Research Conference*, Kota Samarahan, Malaysia.

¹ Bagi maksud salah pengkaji hanya memaparkan data daripada responden untuk perkataan yang wujud dalam bahasa Melayu standard.